

Kerajaan lulus 82,012 unit PPA1M

Pastikan penjawat awam miliki rumah idaman

KUALA LUMPUR 22 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan telah meluluskan sebanyak 82,012 unit kediaman di bawah inisiatif Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) setakat ini. Perdana Menteri memberitahu, matlamat beliau ketika mengumumkan inisiatif PPA1M adalah memastikan penjawat awam memiliki rumah idaman mereka.

“Saya berharap semua penjawat awam merebut peluang ini untuk memiliki kediaman untuk keluarga anda. “Lawat laman web rasmi PPA1M untuk melihat senarai projek dan memohon rumah anda hari ini,” katanya dalam kenyataan melalui laman Facebook beliau hari ini.

Beliau turut memaparkan pautan <https://www.ppa1m.gov.my/project/list> ke senarai projek perumahan yang dijalankan di bawah inisiatif PPA1M. PPA1M dilancarkan pada awal 2013 untuk membolehkan penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana membeli rumah khususnya di bandar-bandar utama di negara ini.